

## Faktor Ekstralinguistik Terhadap Penguasaan Kemahiran Lisan di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

### *Extralinguistic Factors Against the Mastery of Oral Skills in Teaching and Learning Arabic*

Mohamad Faizal Amat @ Mohd Yusoff (Pengarang Penghubung)  
Jabatan Bahasa Arab, Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Bandar DiRaja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia  
Tel: +6019-5752575 Emel: faizal@usas.edu.my

Siti Nur Izyandiyana Ab Hadi  
Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia  
Tel: +6018-2700414 Emel: izyandiyana@uitm.edu.my

#### Abstrak

Pelbagai pembaharuan dan pengemaskinian dalam pengajaran dan pembelajaran telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia namun penguasaan kemahiran lisan dalam kalangan pelajar masih tidak memberangsangkan. Rata-rata kajian yang dijalankan mendapat penguasaan Bahasa Arab (BA) di Malaysia masih belum mampu mencapai matlamat dan objektif yang sebenar. Salah satu faktor yang mempengaruhi kemahiran bahasa adalah ekstralinguistik. Ekstralinguistik merujuk kepada situasi kebahasaan di luar lingkungan linguistik, seperti motivasi, emosi, sikap, personaliti dan yang seumpamanya, yang terbukti membantu seseorang pelajar menguasai bahasa tertentu. Oleh itu, kajian ini mengenalpasti faktor-faktor ekstralinguistik terhadap komunikasi BA dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia di negeri Perak. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) yang menawarkan pembelajaran bagi menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama (STAM) di negeri Perak. Hasil kajian menunjukkan ada lima

faktor ekstralinguistik terhadap komunikasi BA iaitu faktor sikap, motivasi, pendedahan Bahasa Arab, penggunaan BA, masalah komunikasi dan dorongan guru. Kesimpulan kajian ialah terdapat hubungan yang kuat di antara faktor sikap dengan penggunaan SK dalam kalangan pelajar STAM negeri Perak. Implikasi kajian ini adalah pentingnya persediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong bagi meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar STAM. Kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti secara mendalam faktor-faktor yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Arab dan kesan terhadap strategi komunikasi pelajar STAM.

**Kata kunci:** Faktor Ekstralinguistik; Bahasa Arab; Komunikasi; STAM

#### Abstract

*Various reforms and updates in teaching and learning have been carried out by the Ministry of education, but the mastery of oral skills among students is still not encouraging. The average study conducted*

*found that the mastery of the Arabic language (BA) in Malaysia is still not able to achieve real goals and objectives. One of the factors affecting language skills is extralinguistics. Extralinguistics refers to linguistic situations outside the linguistic environment, such as motivation, emotion, attitude, personality, and the like, that are proven to help a student master a particular language. Therefore, this study identifies extralinguistic factors on BA Communication among Sijil Tinggi Agama Malaysia students in Perak. This study was conducted quantitatively at Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) which offers learning to sit for the Sijil Tinggi Agama (STAM) examination in the state of Perak. Results indicated that there are five extralinguistic factors on BA Communication, namely attitude, motivation, Arabic exposure, use of BA, Communication problems and teacher encouragement. It can be concluded that there is a strong relationship between attitude factors and the use of SK among students of STAM Perak. This study implies the importance of providing a conducive and supportive learning environment to improve Arabic communication skills among STAM students. Further studies are proposed to examine in depth the factors related to the use of technology in Arabic language learning and the impact on the communication strategies of STAM students.*

**Keywords:** Extralinguistic Factors; Arabic; Communication; STAM

### Pengenalan

Bahasa Arab (BA) muncul di Tanah Melayu bermula dari kurun yang ke 7 melalui pedagang Arab yang singgah dalam perjalanan ke China (Rosni, 2012). BA semakin mendapat perhatian penduduk tempatan apabila agama Islam diperkenalkan. Penggunaan BA dalam ilmu pengibadatan agama Islam menyebabkan perkembangan bahasa tersebut di Tanah

Melayu. BA terus berkembang apabila bahasa ini diajar di pusat pengajian bermula dari pondok-pondok pengajian agama Islam dan berubah ke sistem madrasah-madrasah agama. Pendidikan BA terus berkembang apabila mata pelajaran BA ditawarkan ke peringkat sekolah rendah, menengah dan seterusnya diperingkat institut pengajian tinggi seperti kolej, universiti dan sebagainya.

Menjelang abad ke-21, pengajaran BA terus berkembang di Malaysia. Semakin banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menyediakan pembelajaran BA sama ada dalam bentuk penawaran program atau mata pelajaran BA. Sejarah pembinaan dan pengenalan matapelajaran BA di sekolah-sekolah di Malaysia telah melalui beberapa peringkat (Rahman et al., 2019). Penglibatan Kementerian Pendidikan dalam memantapkan pengajaran BA di sekolah-sekolah di Malaysia dapat dilihat apabila terdapat beberapa usaha seperti menyediakan buku teks pengajaran yang komprehensif, menyediakan guru yang terlatih melalui kursus pengajaran BA dan menetapkan objektif pengajaran melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Walaupun pelbagai pembaharuan dan pengemaskinian kurikulum, silibus dan banyak aspek dalam pengajaran dan pembelajaran telah dilakukan oleh pihak kementerian namun penguasaan kemahiran lisan dalam kalangan pelajar masih tidak menunjukkan peningkatan. Kelemahan ini bukan hanya berlaku di peringkat sekolah rendah namun ia juga berlaku di peringkat sekolah menengah dan lepasan menengah. Rata-rata kajian yang dijalankan mendapat pengajaran dan pembelajaran BA di Malaysia masih belum mampu mencapai matlamat dan objektif yang sebenar (Kamarulzaman et al., 2002; Zamri Arifin et. al., 2014; Abdullah et al., 2015; Zamri Mahamod et al., 2016; Ku Fatahiyah et al.,

2017; Masyitoh & Kaseh, 2018; Maromar et al., 2018; Mohd Salihin Hafizi et al., 2021).

Bagi menguasai sesuatu bahasa, kemahiran bertutur merupakan aspek yang perlu dikuasai oleh pelajar. Menurut Zawawi et. al (2011), kemahiran bertutur merupakan kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh pelajar yang mengikuti pembelajaran bahasa, selain kemahiran bahasa yang lain, seperti mendengar, membaca dan menulis. Hal ini kerana kemahiran tersebut mencerminkan penguasaan mereka dalam BA serta menjadi penanda aras dalam menentukan tahap kejayaan mereka dalam proses pembelajaran.

Namun begitu kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai majoriti pelajar bahasa asing berbanding kemahiran bahasa yang lain (Siti Salwa et al., 2021). Kelemahan penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar bahasa arab sebagai bahasa kedua tidak terkecuali menghadapi permasalahan ini. Dalam konteks kajian ini, keperluan penguasaan kemahiran bertutur BA tidak dapat disangkal lagi terutamanya responden adalah pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Antara tujuan pelajar mengambil peperiksaan ini adalah untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di negara Timur Tengah. Penguasaan kemahiran ini dapat membantu pelajar untuk menguasai ilmu yang dipelajari di negara tersebut. Berbanding pelajar BA di peringkat sekolah rendah dan menengah yang masih kesamaran dalam tujuan penguasaan kemahiran bertutur BA.

Sekiranya keadaan ini berterusan, pelajar akan mengalami kesukaran berkomunikasi. Dalam keadaan ini, pelajar berkemungkinan akan menggunakan BA yang tidak sempurna untuk menyampaikan mesej agar difahami oleh pendengar. Masalah bahasa yang dihadapi menyebabkan pelajar terpaksa mencari

jalan penyelesaian untuk memastikan komunikasi dapat dijalankan dengan berkesan. Keadaan ini akan mendorong pelajar menggunakan pelbagai teknik bagi memastikan mesej yang hendak disampaikannya berjaya. Usaha tersebut dikenali sebagai strategi komunikasi (SK).

Menurut Meida Taftiawati (2014) SK adalah suatu teknik yang sistematis yang digunakan pelajar bahasa asing untuk mengekspresikan idea ketika berhadapan dengan kesulitan berkomunikasi kerana penguasaan bahasa kedua masih belum sempurna. Tarone (1983) bahawa hal ini berlaku disebabkan oleh penutur bahasa kedua masih belum menguasai sepenuhnya peraturan bahasa kedua. Terdapat kajian lain yang mendapati bahawa beberapa jenis SK seperti strategi pengulangan dapat membantu pelajar mengatasi masalah kosa kata atau leksikal ini (Ashinida, 2012).

Justeru itu, mengkaji strategi komunikasi yang digunakan pelajar untuk menyampaikan maksud mesej ketika berkomunikasi menjadikan pentingnya kajian ini dilakukan. Selain itu pengkaji ingin meneroka hubungan penggunaan SK dengan faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi penggunaan SK bagi meneruskan proses komunikasi. Dapatkan dari kajian ini dapat menjelaskan keperluan penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar STAM yang mana ia selaras dengan objektif pembelajaran BA di ajar secara formal di dalam kelas-kelas di sekolah rendah dan menengah. Kajian ini mengkaji kedua-dua jenis SK iaitu Strategi Komunikasi Verbal (SKV) dan Strategi Komunikasi Non Verbal (SKNV) yang mana sangat kurang dilakukan dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

#### *Strategi Komunikasi (SK)*

Dalam konteks kajian ini strategi komunikasi (SK) merupakan satu wahana bagi menguasai kemahiran komunikasi. Berdasarkan kajian lepas Ab. Halim dan Mohd Azidan (2017), Noor Asliza dan Normaliza (2014), Mohd Helmi (2017), Gantiano (2017), Syawal et al. (2019) dan pengkaji lain mendapati SK digunakan oleh pelajar BA bagi mengatasi kekangan bahasa yang dihadapi oleh pelajar ketika bertutur. Tarone, Cohen dan Dumas (seperti yang dinyatakan dalam Tarone 1983) merupakan pelopor kepada kajian SK yang digunakan oleh pelajar untuk mengatasi masalah ketika berkomunikasi dalam bahasa sasaran. Mereka menyatakan bahawa pelajar cenderung menggunakan SK untuk mengatasi kelemahan yang dimiliki ketika bertutur untuk menyampaikan mesej dalam bahasa sasaran.

### *Teori Model Monitor*

Teori Model Monitor merupakan satu teori yang diperkenalkan oleh Krashen pada tahun 1970-an. Teori tersebut menjelaskan pembelajaran bahasa kedua oleh penutur secara sedar dan mempunyai fungsi yang terhad bagi mencapai penguasaan bahasa kedua. Ia bermaksud pembelajaran tersebut hanya digunakan sebagai pemantauan, manakala kefasihan berbahasa berpunca melalui alat pemerolehan bahasa secara bawah sedar (Krashen 1982).

### *Jenis SKV dan SKNV Kajian*

Kajian ini memanfaatkan taksonomi SK yang diperkenalkan oleh Tarone (1977) yang diubahsuai bersesuaian dengan objektif kajian ini. Rujukan kepada taksonomi ini adalah kerana fungsinya cenderung kepada pembelajaran bahasa kedua. Taksonomi SK Tarone merupakan taksonomi yang menjadi rujukan para pengkaji pembelajaran bahasa kedua seperti Robe'ah (2005); Sanimah (2007); Abdul Rahman (2009) dan Mohd Helmi

(2017). Tarone membahagikan SK kepada dua kategori iaitu pencapaian (parafrasa, pemindahan secara sedar, rayuan kerjasama dan strategi bukan linguistik) manakala yang kedua adalah pengelakan (pengelakan topik dan meninggalkan mesej).

Merujuk kepada kajian terdahulu, pengkaji telah mengubahsuai pengkategorian taksonomi dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu SKV yang terdiri daripada penukaran kod bahasa, terjemahan literal, penghampiran, penciptaan perkataan baru, pengulangan, rayuan kerjasama secara langsung, pengelakan topik dan meninggalkan mesej, penjedaan, memanjangkan sebutan dan penggunaan ‘Al’. Penggunaan SKV ini diperolehi dari aktiviti yang melibatkan interaksi secara lisan oleh pelajar dalam tugas yang diberikan.

Manakala bahagian kedua iaitu SKNV diubahsuai dari pengkategorian strategi komunikasi bukan lisan yang digunakan oleh Mohd Helmi (2017) dalam kajiannya terhadap SK pelajar Cina. Strategi yang dipilih oleh pengkaji adalah SKNV yang merujuk kepada aspek bukan verbal iaitu pergerakan anggota badan yang mempunyai makna seperti tangan, jari, mata, kepala, badan dan lidah. Menurut Sandoval dan Jara, (2012) “*as it has been previously stated, the concept of nonverbal communication does not include oral performance; thus, it comprehends nonverbal means that help transmit a message*”.

Oleh yang demikian dalam kajian ini pengkaji telah mengkategorikan SKNV seperti strategi diam, pergerakan jari, jelingan mata, pergerakan tangan, pergerakan badan, pergerakan kepala dan senyuman yang diadaptasi dari kajian Mohd Helmi (2017). Menurut Martha Davis (seperti yang dinyatakan dalam Sandoval & Jara, 2012) “*The study of body movement and gesture is at the heart of*

*nonverbal communication research*". Menurutnya lagi ekspresi muka, isyarat anggota badan, jelingan mata dan postur badan merupakan unsur non-verbal yang membantu perbualan dalam bahasa kedua, seperti pergerakan jari, jelingan mata, pergerakan tangan, pergerakan badan, pergerakan kepala, strategi diam dan senyuman.

### *Faktor Ekstralinguistik*

Rahardi dalam (Suryaningsih, 2019) menyatakan bahawa faktor ekstralinguistik merujuk kepada unsur-unsur diluar kebahasaan yang menjadi latar belakang bagi sebuah pertuturan. Pertuturan atau perbualan tersebut selalu dipengaruhi oleh aspek-aspek yang melingkungi berlakunya proses pertuturan antara penutur dengan teman bicara. Maksud yang tersimpan dari sebuah interaksi dipengaruhi oleh aspek yang melingkungi percakapan sehingga memungkinkan mesej yang ingin disampaikan oleh penutur dapat difahami dengan baik oleh pendengar. Dalam mengkaji penggunaan SK dalam kalangan pelajar BA selain dari faktor dalaman iaitu faktor yang merujuk kepada minda, faktor ekstralinguistik atau faktor luaran perlu menjadi tumpuan dalam kajian ini. Faktor luaran termasuklah sikap, motivasi, pendedahan persekitaran terhadap BA, penggunaan BA, masalah-masalah komunikasi dan dorongan guru. Hasil dapatan kajian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu telah membuktikan bahawa faktor ekstralinguistik mempunyai pengaruh dalam pembelajaran BA dan dilihat mempunyai hubungan yang rapat dengan penggunaan SK.

### **Metodologi**

#### *Pengumpulan Data*

Salah satu dari kaedah kuantitatif adalah tinjauan. Dalam proses kajian lapangan ini, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan dalam soal selidik bagi mendapatkan data maklumat berkaitan personaliti dan faktor

ekstralinguistik terhadap BA dari subjek kajian. Menurut Creswell (2005) reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang mana pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi. Kaedah kajian kuantitatif dilaksanakan oleh pengkaji dalam kajian ini dengan menggunakan instrument borang soal selidik bagi mengkaji faktor ekstralinguistik pelajar terhadap BA. Berdasarkan teori monitor kajian, terdapat beberapa faktor utama yang akan mempengaruhi penghasilan penggunaan SK dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari BA sebagai B2 atau bahasa asing.

#### *Lokasi Kajian*

Pengkaji telah memilih Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) sebagai lokasi menjalankan kajian. Pemilihan ini berdasarkan kepada kemudahan dan infrastruktur lengkap yang disediakan oleh pihak kerajaan negeri Perak. Kemudahan yang dimaksudkan termasuklah penyediaan guru-guru yang berkelayakan dan terlatih, kemudahan infrastruktur termasuklah bangunan, perpustakaan, asrama dan kemudahan lain yang diperlukan bagi sebuah sekolah menengah agama.

#### *Sampel Kajian*

Dalam kajian ini semua calon STAM di SMAN negeri Perak menjadi sampel kajian bagi mewakili populasi kajian. Calon-calon ini merupakan pelajar yang menyambung pengajian ke Tingkatan 6 aliran agama di tiga buah sekolah dibawah tajaan Kerajaan Negeri Perak atau juga dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) negeri Perak.

Bagi mengenal pasti jenis-jenis SK yang digunakan maka subjek dikehendaki menjalankan aktiviti bercerita berdasarkan situasi gambar yang disediakan. Subjek

perlu bercerita berkaitan gambar yang dilihat atau menggunakan idea-idea sendiri yang difikirkan sesuai. Semua aktiviti subjek merangkumi ujaran, perbualan, pertanyaan, gerak-geri anggota badan, mimik muka dirakam dengan sepenuhnya menggunakan alat perakam video. Bagi tujuan pemahaman transkripsi, pengkaji

telah menetapkan tema bagi setiap SK yang digunakan oleh subjek ketika menjalani Tugasan Lisan dengan simbol nombor yang tertentu. Simbol nombor ini dicatat dalam transkripsi ujaran subjek mewakili SK yang digunakan. Jadual 1 menunjukkan simbol nombor.

Jadual 1: Simbol Nombor Jenis SK

Bil	Jenis Strategi Komunikasi (SK)	Simbol Nombor
1.	Penukaran Kod Bahasa	(SKV 1)
2.	Terjemahan Literal	(SKV 2)
3.	Penghampiran	(SKV 3)
4.	Penciptaan Perkataan Baru	(SKV 4)
5.	Pengulangan	(SKV 5)
6.	Rayuan kerjasama	(SKV 6)
7.	Pengelakan Topik	(SKV 7)
8.	Meninggalkan Mesej	(SKV 8)
9.	Strategi Diam	(SKNV 9)
10.	Penjedaan	(SKV 10)
11.	Memanjangkan Sebutan	(SKV 11)
12.	Sebutan ‘Al’	(SKV 12)
13.	Pergerakan Jari	(SKNV 13)
14.	Jelingan Mata	(SKNV 14)
15.	Pergerakan Tangan	(SKNV 15)
16.	Pergerakan Badan	(SKNV 16)
17.	Pergerakan Kepala	(SKNV 17)
18.	Senyuman	(SKNV 18)

## Dapatan Kajian & Perbincangan

### *Penggunaan Jenis - Jenis Strategi Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Melayu STAM*

Terdapat 15 jenis SKV yang telah dikenal pasti dari Tugasan Lisan yang dijalankan terhadap 26 orang responden (Jadual 2). Jenis-jenis SKV ini terdiri daripada beberapa SKV yang telah diterokai oleh

kajian yang terdahulu manakala pengkaji dapat menemukan dua SKV baru yang muncul terutama di dalam komunikasi BA. SKV yang dikenalpasti ialitu penukaran kod bahasa, terjemahan literal, penghampiran, penciptaan Perkataan Baru, pengulangan, rayuan kerjasama, pengelakan topik, meninggalkan mesej, strategi diam, penjedaan. Manakala SKV baru yang dapat dikenalpasti pula adalah memanjangkan sebutan dan penggunaan ‘Al’.

Jadual 2: Jenis SK dan Kod SK

Bil	Jenis Strategi Komunikasi SK	Kod SK	Kategori SK
1.	Penukaran Kod Bahasa	SKV1	SKV
2.	Terjemahan Literal	SKV2	SKV
3.	Penghampiran	SKV3	SKV
4.	Penciptaan Perkataan Baru	SKV4	SKV
5.	Pengulangan	SKV5	SKV
6.	Rayuan Kerjasama	SKV6	SKV
7.	Pengelakan Topik	SKV7	SKV
8.	Meninggalkan Mesej	SKV8	SKV
9.	Strategi Diam	SKNV9	SKNV
10.	Penjedaan	SKV10	SKV
11.	Memanjangkan Sebutan	SKV11	SKV
12.	Sebutan ‘Al’	SKV12	SKV
13.	Pergerakan Jari	SKNV13	SKNV
14.	Jelingan Mata	SKNV14	SKNV
15.	Pergerakan Tangan	SKNV15	SKNV
16.	Pergerakan Badan	SKNV16	SKNV
17.	Pergerakan Kepala	SKNV17	SKNV
18.	Senyuman	SKNV18	SKNV

\* SK memanjangkan sebutan dan SK Sebutan ‘Al’ merupakan SK yang baru ditemui dalam kajian ini.

Berdasarkan jadual diatas, pengkaji meletakkan kod bagi setiap SK yang digunakan. Pengkaji juga mengkategorikan SK ini mengikut strategi pencapaian, strategi pengelakan dan strategi nonlinguistik. Selanjutnya pengkaji menggunakan kod – kod SK ini di dalam penulisan diskriptif Tugasan Lisan bagi menggambarkan SK yang digunakan oleh pelajar ketika kajian ini dijalankan.

#### *Analisis Kekerapan Strategi Komunikasi Pelajar STAM di SMAN Perak*

Jadual 3 mempamerkan hasil dapatan kajian berkaitan kekerapan. Jumlah SK yang digunakan oleh pelajar STAM sebanyak 2714 kes. Keseluruhan jumlah SK ini merujuk kepada 18 SK yang ditemui oleh pengkaji dalam kajian ini. Analisis dari dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bilangan angka yang tinggi bagi satu atau SK menunjukkan kekerapan SK itu digunakan oleh semua subjek dalam kedua-dua aktiviti lisan. Kekerapan sesuatu SK yang ditemui menunjukkan pengaruh SK tersebut dalam membantu subjek bertutur.


Jadual 3: Kekerapan Strategi Komunikasi Pelajar STAM

Bil	Kod SK	Jenis SK	Kekerapan
1.	SKV1	Penukar Kod Bahasa	41
2.	SKV2	Terjemahan literal	68
3.	SKV3	Penghampiran	114
4.	SKV4	Penciptaan Perkataan Baru	53
5.	SKV5	Pengulangan	279
6.	SKV6	Rayuan kerjasama	72
7.	SKV7	Pengelakan Topik	93
8.	SKV8	Meninggalkan Mesej	45

9.	SKNV9	Strategi Diam	26
10.	SKV10	Penjedaan	523
11.	SKV11	Memanjangkan Sebutan	208
12.	SKV12	Sebutan ‘Al’	68
13.	SKNV13	Pergerakan Jari	85
14.	SKNV14	Jelingan Mata	295
15.	SKNV15	Pergerakan Tangan	290
16.	SKNV16	Pergerakan Badan	103
17.	SKNV17	Pergerakan Kepala	253
18.	SKNV18	Senyuman	98
<b>JUMLAH</b>			<b>2714</b>

Rajah 1 di bawah menunjukkan peratusan SK yang digunakan oleh subjek secara keseluruhan. Strategi Penjedaan merupakan SK yang paling kerap digunakan oleh subjek ketika bertutur. Sebanyak 523 kes telah dikenalpasti iaitu sebanyak 19.3% dari keseluruhan kes. Hal ini menunjukkan SK ini sangat membantu subjek ketika mengujarkan perkataan dalam BA. Strategi penjedaan dapat memberi ruang kepada subjek yang mengalami kekangan bahasa sasaran untuk meneruskan perbualan. Subjek yang memanfaatkan SK ini dilihat bersemangat untuk menyampaikan mesej

meskipun berhenti seketika ketika menuturkan perkataan. Setelah mendapat perkataan atau memperbaiki struktur bahasa, subjek didapati menyambung pertuturan supaya mesej dapat disampaikan. SKV yang kerap juga digunakan oleh subjek iaitu Strategi Pengulangan. Sebanyak 279 kes telah dapat dikesan dalam kajian ini iaitu sebanyak 10.3% dari jumlah keseluruhan SK. Pelajar didapati menggunakan SK ini bertujuan untuk melengahkan masa atau memperbaiki perkataan atau struktur bahasa yang didapati kurang tepat setelah perkataan itu diujarkan.



Rajah 1: Peratusan Strategi Komunikasi Pelajar STAM

### *Hubungan Faktor Ekstralinguistik Dengan Strategi Komunikasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*

Bahagian ini membicarakan hasil dapatan kajian yang hubungan diantara faktor ekstralinguistik dengan penggunaan SK dalam kalangan pelajar STAM di SMAN negeri Perak. Item Faktor ekstralinguistik yang dibahagikan kepada sikap, motivasi, pendedahan BA, penggunaan BA, masalah komunikasi dan dorongan guru dengan penggunaan SK di analisis menggunakan prosedur SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Pengkaji menggunakan korelasi Pearson sebagai alat yang membolehkan pengkaji membandingkan hubungan antara dua pemboleh ubah. Dalam kes ini, pemboleh ubah bersandar

ialah sikap, motivasi, pendedahan persekitaran BA, penggunaan BA, masalah komunikasi dan dorongan guru. Manakala pemboleh ubah bebas ialah SK. Ekstralinguistik merupakan elemen yang berada diluar dari linguistik itu sendiri namun ia mempengaruhi seseorang untuk bertutur.

Korelasi yang dilaksanakan untuk melihat perhubungan antara pembolehubah bersandar (Jenis SK) dan pembolehubah bebas (Faktor Extralinguistik). Ujian ini juga adalah untuk meninjau dan menjawab objektif kajian. Berdasarkan rujukan jadual Pearson di atas, analisis yang dijalankan adalah ujian korelasi *Spearman* kerana bilangan sampel kurang daripada 30.

Jadual 4: Hubungan Faktor Ekstralinguistik dengan Jenis Penggunaan SK dalam Komunikasi Bahasa Arab

Faktor Ekstralinguistik		Sikap	
Pemboleh Ubah		Sig. (2-Tailed), <i>p</i>	<i>r</i>
Strategi Komunikasi (SK)			
SKNV9		0.001	-0.437
SKV10		0.005	0.386
SKNV15		0.009	0.361
SKNV18		0.001	-0.460
Faktor Ekstralinguistik		Motivasi	
Pemboleh Ubah		Sig. (2-Tailed), <i>p</i>	<i>r</i>
Strategi Komunikasi (SK)			
SKV7		0.026	0.312
SKNV9		0.000	-0.625
SKV10		0.002	0.431
SKV12		0.010	-0.360
SKNV15		0.000	0.617
SKNV17		0.018	-0.329
SKNV18		0.010	-0.357
Faktor Ekstralinguistik		Pendedahan Persekutaran	
Pemboleh Ubah		Sig. (2-Tailed), <i>p</i>	<i>r</i>
Strategi Komunikasi (SK)			

SKV2	0.045	0.282
Faktor Ekstralinguistik	Penggunaan BA	
Pemboleh Ubah	Sig. (2-Tailed), <i>p</i>	<i>r</i>
Strategi Komunikasi (SK)		
SKV2	0.047	0.279
SKNV9	0.002	-0.415
SKV10	0.001	0.461
SKNV15	0.003	0.406
SKNV18	0.025	-0.315
Faktor Ekstralinguistik	Masalah Komunikasi	
Pemboleh Ubah	Sig. (2-Tailed), <i>p</i>	<i>r</i>
Strategi Komunikasi (SK)		
SKV1	0.008	-0.365
SKV2	0.011	0.353
SKV8	0.003	0.413
SKNV9	0.000	0.536
SKV10	0.000	-0.670
SKNV15	0.012	-0.348
Faktor Ekstralinguistik	Dorongan Guru	
Pemboleh Ubah	Sig. (2-Tailed), <i>p</i>	<i>r</i>
Strategi Komunikasi (SK)		
SKV2	0.010	0.357
SKV11	0.002	0.426
SKNV14	0.004	-0.394
SKNV15	0.000	0.505
SKNV18	0.000	0.582

### *Hubungan Faktor Sikap Dengan Strategi Komunikasi (SK) Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*

Berdasarkan hasil analisis didapati terdapat hubungan negatif yang kuat di antara pembolehubah sikap dengan SKNV9 (Strategi Diam)  $p = 0.000$ ;  $r = -0.542$ . Ini bermakna sikap mempengaruhi jenis strategi yang digunakan oleh pelajar dalam bertutur BA iaitu strategi diam. Hubungan sikap negatif ini juga ditemui di antara faktor sikap dengan SKNV18 (senyuman)  $p = 0.004$ ;  $r = -0.401$ . Selain strategi diam

digunakan strategi senyuman juga membawa maksud tertentu kepada rakan penutur untuk memahami apa yang dialami oleh penutur ketika berbual dalam bahasa kedua. Sikap yang rendah seperti takut melakukan kesalahan, keyakinan diri, kekurangan kosakata menjadi faktor SK ini digunakan.

Selain itu terdapat hubungan positif yang sederhana di antara pembolehubah sikap dengan SKV4 (Penciptaan Perkataan Baru)  $p = 0.019$ ;  $r = -0.326$ , SKV10 (Penjedaan)  $p = 0.010$ ;  $r = 0.358$ , SKNV15 (Pergerakan

Tangan)  $p = 0.017$ ;  $r = -0.333$ , dan SKNV17 (Pergerakan Badan)  $p = 0.026$ ;  $r = -0.312$ . Hubungan positif di antara pembolehubah sikap dengan empat jenis SK ini menunjukkan pelajar yang mempunyai sikap yang positif akan menggunakan pelbagai SK untuk meneruskan perbualan. Menurut Zulzana et al. (2017), minat dan sikap yang positif, mampu mendorong pelajar berfikiran kritis, bersikap aktif di dalam kelas, boleh berkerjasama dalam kumpulan, meningkatkan kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi.

#### *Hubungan Faktor Motivasi Dengan Strategi Komunikasi (SK) Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*

Dapatkan kajian menunjukkan hasil analisis terdapat hubungan diantara motivasi dengan SKNV9 (Strategi Diam)  $p = 0.000$ ;  $r = -0.648$ , SKV10 (Penjedaan)  $p = 0.000$ ;  $r = -0.503$ , SKV12 (Sebutan ‘Al’)  $p = 0.031$ ;  $r = -0.302$ , SKNV15 (Pergerakan Tangan)  $p = 0.000$ ;  $r = -0.639$ , SKNV17 (Pergerakan Kepala)  $p = 0.027$ ;  $r = -0.310$  dan SKNV18 (Senyuman)  $p = 0.034$ ;  $r = -0.297$ .

Hubungan motivasi dengan SKNV9, jadual diatas memperlihatkan terdapat hubungan negatif yang kuat di antara pembolehubah motivasi dengan SKNV9  $p = 0.000$ ;  $r = -0.648$ . Data ini bermaksud motivasi mempunyai hubungan signifikan dengan penggunaan strategi diam ketika bertutur. Pelajar yang mengalami tahap motivasi yang rendah atau kurang bermotivasi akan menggunakan strategi ini ketika mengalami kekangan bahasa.

Selain itu hubungan yang negatif juga ditemui pada SK sebutan ‘Al’ dan SK senyuman. Walaupun terdapat hubungan yang lemah diantara kedua pemboleuh ubah ini namun ia menunjukkan pelajar yang mempunyai kurang bermotivasi akan menggunakan SK-SK ini. Pelajar didapati menyebut ‘Al’ berulang kali untuk

meminta bantuan rakan untuk menyambung perkataan yang sesuai atau memikirkan perkataan yang sesuai untuk diujarkan. Ketika perbualan tidak dapat diteruskan pelajar sekadar tersenyum untuk menyampaikan mesej kepada rakan bertutur bahawa pelajar tersebut tidak dapat meneruskan perbualan.

#### *Hubungan Faktor Pendedahan Persekutaran Dengan Strategi Komunikasi (SK) Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*

Berdasarkan hasil analisis kajian, pengkaji mendapati terdapat hubungan faktor pendedahan persekitaran dengan 5 jenis SK. SK yang mempunyai hubungan dengan pembolehubah ini ialah SKV2 (Terjemahan Literal), SKV7 (Pengelakan Topik), SKV11 (Memanjangkan Sebutan), SKV12 (Sebutan ‘Al’) dan SKV16 (Pergerakan Badan).

Terdapat hubungan positif di antara faktor pendedahan persekitaran dengan SKNV16 (Pergerakan Badan) dengan nilai  $p = 0.019$ ;  $r = 0.326$ , SKV2 (Terjemahan Literal) dengan nilai  $p = 0.033$ ;  $r = 0.300$  dan SKV12 (Sebutan ‘Al’) dengan nilai 0.036;  $r = 0.288$ . Berdasarkan Jadual 4.33, terdapat hubungan yang sederhana di antara pemboleuh ubah pendedahan persekitaran dengan SKNV16, manakala bagi SKV2 dan SKV12 mempunyai hubungan yang lemah dengan faktor ekstralinguistik ini.

Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan negatif di antara pembolehubah ini dengan SKV7 (Pengelakan Topik) dan SKV (Memanjangkan Sebutan). Faktor pendedahan persekitaran menunjukkan hubungan yang sederhana dengan SKV7 apabila nilai  $p = 0.013$ ;  $r = -0.344$ . Data ini menunjukkan semakin kurang pendedahan persekitaran bahasa kedua kepada pelajar, semakin tinggi SK pengelakan topik dilakukan. Dalam situasi ini pengkaji mendapati, pendedahan persekitaran yang terbatas menyebabkan pelajar memilih untuk meninggalkan topik ketika rakan

bertutur mengemukakan soalan. Keadaan ini berlaku kerana pelajar bahasa kedua kurang mendapat pendedahan berkaitan perkataan yang perlu digunakan untuk membicarakan sesuatu topik. Pada tahap ini pelajar akan mengemukakan soalan lain atau memberi isyarat agar rakan menukar topik yang lain.

#### *Hubungan Faktor Penggunaan BA Dengan Strategi Komunikasi (SK) Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*

Berdasarkan hasil analisis didapati terdapat hubungan negatif sederhana yang signifikan di antara pembolehubah penggunaan BA dengan SKV7  $p = 0.013$ ;  $r = -0.344$ . Tahap signifikan ini menunjukkan penggunaan BA mempengaruhi jenis strategi yang digunakan oleh pelajar dalam bertutur BA iaitu SK Pengelakan Topik. Menerusi pemerhatian yang dijalankan terhadap responden didapati pelajar cuba mengelak dari topik yang tidak diketahui ketika bertutur dalam BA. Pengkaji mendapati pelajar yang tidak mengingati kosakata BA untuk diujarkan bagi sesuatu topik akan mengubah topik perbualan dengan memberi syarat atau mengemukakan soalan lain bagi meneruskan perbualan. Penggunaan BA yang terbatas menyebabkan SK ini digunakan.

Selain itu, terdapat hubungan positif faktor penggunaan bahasa Arab dengan SKV2, SKV12 dan SKNV16. Nilai korelasi tertinggi dalam hubungan pembolehubah ini dengan SKNV16 adalah  $p = 0.019$ ;  $r = 0.326$  iaitu terdapat hubungan signifikan yang sederhana. Faktor Penggunaan BA dalam pertuturan BA pelajar menyebabkan terhasilnya SK ini. Pelajar didapati cuba menggerak-gerakkan badan ketika bertutur. Ketika pelajar bersemangat bertutur, pelajar yang positif didapati menggerak-gerakan badan ke depan dan ke belakang untuk menyampaikan mesej. Tindakan itu

dilakukan untuk menunjuk penekanan terhadap sesuatu yang dibicarakan.

Data menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang positif di antara faktor ekstralinguistik ini dengan SKV2, SKV8 dan SKNV9. Hubungan positif yang kuat antara pembolehubah ini dengan SKNV9 menunjukkan nilai tertinggi berbanding SK lain iaitu  $p = 0.000$ ;  $r = 0.547$ . Data ini bermaksud masalah komunikasi mempunyai hubungan signifikan dengan penggunaan strategi diam ketika bertutur. Pelajar yang menghadapi masalah komunikasi dalam pertuturan BA akan menggunakan strategi ini ketika mengalami kekangan bahasa. Masalah kekurangan kosa kata atau kelemahan menguasai struktur BA menyebabkan pelajar merasa tidak yakin atau malu untuk meneruskan pertuturan. Apabila keadaan ini berlaku pelajar didapati menggunakan strategi mendiamkan diri dan tidak meneruskan perbualan atau menukar topik perbualan.

Hasil dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan negatif antara faktor masalah komunikasi dengan SKV1 (Tukar Kod Bahasa), SKV10 (Penjedaan), SKV11 (Memanjangkan Sebutan), SKNV15 (Pergerakan Tangan) dan SKNV16 (Pergerakan Badan). Jadual memperlihatkan terdapat hubungan negatif yang kuat di antara pembolehubah masalah komunikasi dengan SKV10,  $p = 0.000$ ;  $r = -0.645$ . Ini bermakna masalah komunikasi mempunyai hubungan signifikan dengan penggunaan strategi penjedaan ketika bertutur. Pelajar yang menghadapi masalah seperti kekangan kosa kata, struktur bahasa, masalah keyakinan diri dan sebagainya menjadi faktor kepada tindakan pelajar untuk berhenti seketika untuk mengambil masa mencari perkataan yang sesuai untuk diujarkan. Pengkaji mendapati bahawa pelajar yang menghadapi masalah ini kerap menggunakan SK ini untuk meneruskan pertuturan.

## *Hubungan Faktor Dorongan Guru Dengan Strategi Komunikasi (SK) Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*

Data di atas memperlihatkan terdapat hubungan negatif yang kuat di antara pembolehubah masalah komunikasi dengan SKV11  $p = 0.000$ ;  $r = -0.569$ . Data ini bermaksud dorongan guru mempunyai hubungan signifikan dengan penggunaan strategi memanjangkan sebutan ketika bertutur. Menurut Sholikhah (2020) guru merupakan contoh utama yang mempengaruhi proses pembelajaran dan pengajaran. Keberkesanan dari pengajaran guru serta memberi dorongan menghasilkan pelajar yang bermotivasi termasuk menguasai kemahiran bertutur. Kekurangan dorongan guru seperti berinteraksi dengan pelajar dalam bahasa sasaran, meminta pelajar bertutur dalam bahasa kedua bersama rakan dan menjalankan aktiviti bahasa yang lain menyebabkan pelajar menjadi kekok untuk bertutur. Ketika pelajar dikehendaki bertutur dalam bahasa kedua, pengkaji pelajar menggunakan SK ini untuk memikirkan kosa kata yang ingin diujarkan.

Terdapat hubungan yang positif dalam jadual di atas antara pembolehubah dengan SK seperti SKV2 dan SKNV15. Data kajian menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana di antara dorongan guru dengan SKV2  $p = 0.001$ ;  $r = 0.465$ . Pelajar yang mendapat dorongan guru akan meneruskan perbualan walaupun menghadapi kekangan ketika bertutur. Pengkaji mendapati pelajar menterjemah secara literal perkataan dari bahasa ibunda kepada bahasa sasaran dengan matlamat mesej dapat disampaikan kepada pendengar. Ini adalah kerana guru berperanan terhadap membina kepercayaan dan minat terhadap bahasa Arab. Persepsi optimis pelajar terhadap guru masih memberi impak positif dalam membina keyakinan pelajar terhadap P&P bahasa Arab. Antara impak positif yang dapat

memberikan hasil kepada pelajar adalah melalui pengajaran bahasa Arab ini, ia dapat menambahkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab.

## **Kesimpulan**

Terdapat hubungan yang kuat di antara faktor sikap dengan penggunaan SK dalam kalangan pelajar STAM negeri Perak. Sikap dilihat mempunyai pengaruh yang kuat dalam menyebabkan penggunaan SK oleh subjek ketika bertutur. Ini dapat dilihat dari segi keseriusan mereka untuk mendalami serta mengetahui lebih lanjut tentang kemahiran lisan BA. Secara keseluruhan, terdapat perbezaan kekerapan jenis SK yang digunakan di antara aras pelajar dalam kajian yang dijalankan. Dapatkan kajian memaparkan penggunaan SK dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh faktor ekstralinguistik yang terdiri dari sikap, motivasi, pendedahan BA, penggunaan BA, masalah komunikasi dan dorongan guru. Data menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara jenis-jenis SK dengan faktor-faktor ekstralinguistik yang dinyatakan diatas. Implikasi kajian ini adalah pentingnya menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong bagi meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar STAM. Kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti secara mendalam faktor-faktor yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Arab dan kesan terhadap strategi komunikasi pelajar STAM.

## **Rujukan**

Ab. Halim, M., dan Mohd Azidan, A. J. (2017). Faktor kesalahan bahasa yang mempengaruhi pelajar melayu dalam mempelajari Bahasa Arab. *Jurnal Al-Anwar*, 1(3): 21–32 (*In Malay*).

Abdul Rahman Abdullah. (2009).

Kompetensi komunikatif dan strategi komunikasi Bahasa Arab di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor. [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya].

Ashinida, A. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan Bahasa Arab. GEMA Online Journal of Language Studies, 12(2): 645–666 (*In Malay*).

Creswell, J. W. (2005). Educational research: Planning conducting and evaluating quantitative and qualitative research. Pearson Education Inc.

Gantiano, H. E. (2017). Analisis Dampak Strategi Komunikasi Non Verbal X. Dharma Duta : Jurnal Penerangan Agama Hindu, XV: 5–24 (*In Malay*).

Ghazali, Y., Rahimi, N. M., & M. Shah, P. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM). GEMA Online Journal of Language Studies, 10(3): 15–33 (*In Malay*).

Kamaruddin Husin (1997). Psikologi dalam Bilik Darjah. Utusan Publications and Distributors.

Kamarulzaman A.G., Zawawi Ismail, & Nik Mohd Rahimi, N. Y. (2001). Peranan persekitaran bahasa Arab terhadap bahasa Arab Komunikasi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1) (hh. 254- 263). Siri Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarulzaman Abdul Ghani, Zawawi Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2002). Peranan persekitaran bahasa Arab terhadap kemahiran Bahasa Arab Komunikasi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ku Fatahiyah, K. A., Wazzainab, I., Farah

Nur-Rashida, R., & Hanis Najwa, S. (2017). Tahap kemahiran bahasa arab dalam kalangan pelajar tahlif berbantuan mufradat dan uslub Al-Quran. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 3(2): 14–25 (*In Malay*).

Maromar, F., Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Fauzi, M. S. H. M., Othman, K. A. A., Rahman, M. A. A., & Basit, N. F. A. (2018). Teknik meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati di IPTS DAN IPG. 5th International Research Management & Innovation Conference (5<sup>th</sup> IRMIC 2018), 5<sup>th</sup>(August): 1–18.

Meida Taftiawati. (2014). Strategi Komunikasi Pembelajar Bipa Upi Asal Korea Selatan Dalam Pembelajaran Bipa Tingkat Dasar. Bahtera Bahasa: Antologi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia: No. 1 (Agustus 2014):1 - 8 (*In Indonesian*).

Mohd Helmi, P. (2017). Strategi komunikasi dalam kalangan pelajar Cina di SRJK(C): kajian kes di daerah Hulu Langat, Selangor. [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya].

Mohd Salihin Hafizi, M. F., Mohd Izzuddin, M. P., Fahed, M., Mohamad Rofian, I., & Ahmad Rezdaudin, G. (2021). Permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati : Satu kajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020), November: 102–109.

Noor Asliza, A. R., & Normaliza, A. R. (2014). Strategi komunikasi lisan secara formal dalam kalangan pelajar kejuruteraan. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 134: 382–388. <https://doi.org/10.1016/J.SBSPRO.2014.04.260>

Rahman, A. A., Zulkifli, M. S., Hashimee,

- M., Wazir, A., & Arab, G. B. (2019). Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab Di Sabk Di Malaysia: Satu Dimensi. *Jurnal Melayu*, 18(2): 231–243 (*In Malay*).
- Robe'ah Yusuf. (2005). Strategi komunikasi dalam pembelajaran Bahasa Jerman: Satu kajian kes. (*In Malay*).
- Rosni Samah. (2012). Isu pembelajaran bahasa Arab. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*,: 286–300.
- Sandoval, K. J., & Jara, R. S. (2012). The Importance of Nonverbal Communication when Teaching English as a Foreign Language in Chilean Schools. *Nonverbal Communication In English Language Acquisition* Universidad.
- Sanimah Hussin. (2007). Strategi komunikasi lisan di kalangan pelajar-pelajar bahasa Jepun di Universiti Putra, Malaysia. [Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia,
- Sholikhah, A. (2020). Komunikasi nonverbal dalam proses pembelajaran pada pendidikan anak usia dini. *Akrab Juara*, 5(1).  
<http://www.akrabjuara.com/index.php/akrabjuara/article/view/919> (*In Malay*).
- Siti Salwa, M. N., Norasyikin, O., Nurazan, M. R., Norhayati, C. H., & Khairon Nisak, M. S. (2021). Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Luar Kelas dalam Kalangan Penutur Bukan Asli Bahasa Arab [Arabic Speaking Skills Outside The Classroom among Non-Native Speakers of Arabic]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 4(2): 59–69.  
<https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/192>
- Suryaningsih, Y. D. (2019). Kajian Pragmatik Konteks Ekstralinguistik Dalam Pertuturan Antara Pedagang Dengan Pembeli: Studi Kasus. In Ayən.
- Syawal, A., Masrur, Y., & Mohammad, S. (2019). Strategi komunikasi siswa dan guru kelas XI SMAN 2 Sangatta Utara dalam proses pembelajaran bahasa Indonesia. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 2(1): 15–38.  
<https://doi.org/10.30872/diglosia.v2i1.15> (*In Malay*).
- Tarone, E. (1977). Conscious communication strategies in interlanguage: A progress report. Dlm. H. D. Brown., C. A. Yorio., & R. C. Crymes (Eds.), *On TESOL '77* (hlm. 194-203). Washington, DC: TESOL.
- Tarone, E. (1981). Some Thoughts on the Notion of Communication Strategy. *TESOL Quarterly*, 15(3): 285.  
<https://doi.org/10.2307/3586754>
- Tarone, E. (1983). Communication Strategies, Foreigner Talk, And Repair In Interlanguage. *Language Learning*, 30(2), 417.
- Tarone, E., Cohen, A. & Dumas, G. (1983). A closer look at some interlanguage terminology: a framework for communication. Dlm. C. Faerch & G. Kasper (pynt), *Strategies in interlanguage communication*, 4-14. Longman.
- Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif dan Zulazhan Ab Halim. (2014). Attitudes of distance learning students at UKM Faculty of Islamic Studies towards learning Arabic language skill courses. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 15 (1): 174-178.
- Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani. (2005). Pendekatan komunikatif dalam pendidikan bahasa Arab di Malaysia a. Dlm Zawawi Ismail & Mohd Sukki Othman (pynt.). *Pendidikan bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan inovasi* (pp. 16-35).

Minda Imtiyaz Publications.

Zulzana, Z., Mohamed, S., & Roslina, A. T. (2017). Hubungan antara minat, sikap dengan pencapaian pelajar dalam kursus CC301 – quantity measurement. *Academia* (April) 2010.